Bab 9

Kesimpulan

Berdasarkan peninjauan dan penganalisisan yang dilakukan dalam Bab 1 hingga Bab 8, terbuktilah bahawa Sastera Cina Sarawak pada tahun 50-an hingga 60-an mempunyai nilainya yang tersendiri. Sastera dalam tempoh ini juga memainkan peranan yang penting dalam perkembangan keseluruhan Sastera Cina Sarawak.

Perkembangan Sastera Cina Sarawak pada tahun 50-an hingga 60-an tidak terpisah daripada keadaan politik di Sarawak. Gerakan menentang penjajah pada pertengahan 50-an telah menggiatkan pertumbuhan sastera di Sarawak. Para penulis pada zaman tersebut mencantumkan unsur sastera Cina tradisional dengan unsur tempatan Sarawak serta pengalaman masing-masing di Sarawak. Akibatnya mereka telah membentuk Sastera Cina Sarawak yang mempunyai gaya penyampaian yang tersendiri. Isu politik yang paling hebat diutarakan dalam karya mereka ialah penentangan terhadap kerajaan penjajah. Oleh itu, perjuangan untuk kemerdekaan dan kebebasan merupakan unsur utama dalam karya mereka. Penentangan terhadap penjajah telah menjadi tema utama dalam karya sastera yang dihasilkan.

Disebabkan para penulis hanya berhasrat untuk memperjuangkan kemerdekaan melalui penulisan, maka bahan penulisan yang dipilih sangat sempit. Walaupun golongan penulis muda bersemangat berkobar-kobar, tetapi mereka kekurangan pengalaman hidup dan pemikiran mereka masih mentah. Oleh yang demikian, secara keseluruhannya, isi kandungan karya mereka kurang menyoroti aspek kehidupan secara

mendalam, dan mereka juga tidak dapat menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

Pada tempoh ini, karya sastera secara amnya terpengaruh oleh keadaan sosial (Huang Yongwu 1979: 15). Atas pengaruh kesenian berhaluan Kiri pada pertengahan tahun 50-an, kebanyakan karya semasa tempoh ini juga mencerminkan kehidupan golongan bawahan. Mereka berpendapat bahawa sastera bukan sahaja harus berkhidmat untuk golongan pekerja dan petani, malah, sastera juga merupakan alat penyebaran revolusi. Oleh yang demikian, hasil karya yang meluahkan perasaan peribadi tidak dapat diterima umum, dan karya yang menunjukkan sifat peribadi penulis masing-masing jarang dijumpai.

Oleh sebab keutamaan diberi kepada isu politik dalam penciptaan karya sastera, aspek isi sering ditekankan sedangkan aspek kesenian diabaikan. Karya yang mempunyai keindahan stail tanpa isi yang bernas itu memang tidak berguna. Akan tetapi, sekiranya aspek kesenian diabaikan langsung, karya itu juga tidak mendatang-kan apa-apa perasaan dari segi estetik. Tambahan pula, penggunaan bahasa yang tidak sesuai merupakan masalah utama dalam tempoh ini. Memandangkan para penulis masih belum dapat menguasai penggunaan bahasa yang tepat, maka mutu penyampaian juga terjejas. Kejayaan pelukisan watak bergantung kepada penggunaan bahasa yang tepat. Akan tetapi, oleh sebab para penulis tidak dapat menggunakan bahasa dengan berkesan, kebanyakan karya menjadi meleret-leret panjang dan gagal menyampaikan maksud masing-masing. Bahasa kesenian itu merupakan penciptaan yang teratur dan tidak mengikut perasaan sesuka hati sahaja. Oleh itu, sekiranya isinya ada tetapi persembahannya mendatar, maka karya itu masih tidak bermutu tinggi.

Dalam tempoh yang dikaji, penciptaan karya memang berhubung rapat dengan

perasaan yang membara. Sekiranya sesuatu sastera ciptaan terlalu berunsur politik sehingga aspek seni diabaikan, maka ia akan kehilangan nilai sastera tersendiri. Sehubungan ini, Wang Guowei 王国维 (1876 - 1927) pernah berkata:

> Aduhai! Telah lama kesenian itu ketiadaan nilai tersendiri. Maka tidak hairanlah bahawa untuk melepaskan diri daripada penyeksaan, kebanyakan penyajak setiap dinasti menyatakan ketaatan kepada raja dan cinta kepada negara, atau pun mendakwa bahawa karya mereka mempunyai unsur pengajaran supaya menggalakkan sesuatu yang baik dan menghukum yang jahat. Maka hasil karya seni yang asli sering mengalami penyeksaan oleh orang di dunia ini···(1991: 80).

Jelaslah bahawa sastera tidak seharusnya berfungsi semata-mata sebagai alat moral atau politik. Sebaliknya hasil karya yang dicipta seharusnya menunjukkan sifat pemikiran yang semula jadi dan perangai seseorang penulis. Sekiranya sastera telah dipergunakan sebagai alat penyebaran ideologi politik atau doktrin, maka ia akan kehilangan nilai seninya tersendiri.

Penekanan penulis tentang unsur kemasyarakatan dan fungsi sastera itu merupakan hasil perkembangan sejarah. Ia juga berbubung rapat dengan kehendak dan pemikiran masyarakat. Pada tahun 50-an, kesedaran bangsa dan politik memang merupakan satu gejala biasa di Asia Tenggara. Sarawak juga tidak terkecuali.

Sehubungan ini, aliran realisme yang mencerminkan keadaan politik memang merupakan aliran kesusasteraan pada masa itu. Keseluruhan pemikiran para penulis tertumpu pada segala peristiwa yang berlaku pada zaman itu. Pembentukan sifat penulis berhubung rapat dengan bakat dan keperibadiannya, malah ia juga tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat, ideologi dan aliran sastera (Lan Dizhi 蓝棣之 1994: 15). Walau bagaimana pun, sejarah itu adalah progresif, maka seseorang penulis tidak

patut bersifat statik, atau bersikap tertutup, atau terikat pada sesuatu aliran sastera. Sastera itu bukan sahaja mencerminkan realiti sosial, malah ia harus menyoroti masalah seperti kewujudan manusia, dunia dalaman seseorang, hubungan antara manusia dan hubungan antara manusia dengan masyarakat. Pendek kata, masalah yang berkaitan dengan kewujudan manusia merupakan bahan penulisan kepada penulis.

Selain itu, persekitaran kehidupan orang Cina di Sarawak yang istimewa juga merupakan bahan penulisan yang sangat baik. Penulis Cina di Sarawak boleh mencungkil pengalaman masing-masing. Sebagai orang Cina, mereka mengidentifikasi dengan kebudayaan Cina. Sebagai penduduk di Sarawak pula, mereka mempunyai pertalian rapat dengan kebudayaan tempatan. Perasaan yang dibangkitkan oleh perbezaan kebudayaan serta peranan yang dimainkan oleh individu dalam masyarakat juga merupakan bahan penulisan sastera yang bermakna.

Penulisan karya sastera seharusnya lebih meluas, berkepelbagaian dan tidak terhad pada suatu nada yang tertentu. Maka para penulis harus menajamkan mata dan bersikap terbuka untuk menerima sebarang pembaharuan. Mereka juga harus meninjau sebarang masalah daripada perspektif makro supaya dapat mencipta hasil karya yang agung. Moga-moga dengan ini Sastera Cina Sarawak dapat berkembang dengan lebih maju lagi.